

02/12/1997

PBBS kutuk AS campuri urusan pentadbiran negara

KOTA KINABALU, Isnin - Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS) mengutuk sebarang tindakan kuasa luar khususnya Amerika Syarikat untuk mencampuri sebarang urusan pentadbiran di negara ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Lajim Ukin, berkata tiada sebab untuk rakyat negara ini tunduk kepada sebarang desakan dari pihak asing, yang sebenarnya cuba untuk menggugat kestabilan negara.

Sehubungan itu, PBBS yang mewakili kira-kira 70,000 masyarakat Bisaya di Sabah menyatakan sokongannya kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menangkis sebarang percubaan pihak luar memporak-perandakan keharmonian yang dikecapi rakyat Malaysia selama ini.

"Malaysia adalah negara merdeka yang mengamalkan demokrasi serta bukan jajahan mana-mana kuasa besar, jadi tidak ada sebab untuk kita tunduk kepada telunjuk Amerika Syarikat ataupun negara luar yang mencampuri urusan dalam negara.

"Malah tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat mendesak Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan, perlu dikutuk," katanya berucap di Majlis Pertabalan Ahli Jawatankuasa Pusat PBBS bagi sesi 1997-2000 di sini, malam tadi.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Wilfred Bumburing.

Lajim yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, berkata negara yang kuat adalah hasil daripada bangsabersatu, manakala bangsa yang besar akan lemah dan hancur jika berpecah-belah.

Oleh itu, katanya, rakyat negara ini perlu sentiasa menanamkan semangat cintakan keamanan dan kemakmuran, kerana Malaysia dikenali sebagai negara yang kuat dan membangun hasil keharmonian masyarakat berbilang kaumnya.

Menurutnya, semangat setiakawan yang murni dengan rakyat pelbagai kaum dan bukannya bersikap berpuak-puak dan berpecah-belah, mampu mengeratkan lagi sikap berpersatuan agar hubungan serumpun sentiasa kekal berpanjangan.

"PBBS dari awal penubuhannya pada 1977 telah memperjuangkan wawasan bahawa masa depan bangsa dan agama terletak pada keharmonian, saling hormat-menghormati dan menghargai adat resam dan budaya suku kaum di negara ini khususnya di Sabah.

"Sebenarnya apa yang kita capai sekarang adalah hasil daripada sikap ingin bersatu dan sanggup memikul tugas dan tanggungjawab dengan adil dan saksama, dengan mengutamakan "ikatan kasih sayang dalam persaudaraan" walaupun amalan budaya berbeza," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan alasan itu, PBBS akan terus mengekalkan hubungan baik dengan persatuan dan masyarakat lain supaya keharmonian sedia ada terus subur.

Lajim juga menafikan dakwaan sesetengah pihak yang beranggapan pemimpin yang dipilih berdasarkan kaum, tidak boleh diterima untuk memimpin masyarakat berbilang kaum.

(END)